



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SABAH**  
*Office Of The State Secretary Of Sabah*  
**JABATAN KETUA MENTERI**  
*Chief Minister's Department*  
Aras 28, Blok A, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah  
Jalan UMS, Teluk Likas  
88400 KOTA KINABALU, SABAH  
MALAYSIA

Tel : +6088-369 900  
: +6088-369 901  
Faks : +6088-211 016

Rujukan : JKM.100-4/62  
Tarikh : 11 Februari 2021

Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri  
Semua Ketua Jabatan Negeri  
Semua Pegawai Daerah / Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil  
Semua Ketua Pegawai Eksekutif / Badan-badan Berkanun  
Semua Ketua Pihak Berkuasa Tempatan

Yang Berbahagia Datuk / Tuan / Puan,

## **KEPERLUAN MENGAMBIL TINDAKAN SUSULAN SEGERA UNTUK MENGUKUHKAN KESELAMATAN SEMUA SISTEM APLIKASI DAN LAMAN WEB KERAJAAN NEGERI**

Perkara di atas dirujuk.

2. Kerajaan Negeri mengambil perhatian serius berhubung ancaman penggadam untuk menggadam aplikasi-aplikasi sistem milik Kerajaan Negeri dan Laman Web Kerajaan Negeri. Keperluan memastikan tahap keselamatan ICT sentiasa berada pada tahap terbaik semakin tinggi seiring dengan inisiatif pendigitalan kerajaan yang semakin rancak.
3. Sehubungan dengan itu, *Sabah Government Computer Emergency Response Team* (sgCERT) akan melaksanakan ujian keselamatan secara berkala terhadap semua sistem aplikasi dan laman web kerajaan negeri yang sedang beroperasi.
4. Jika didapati terdapat kelemahan yang menyebabkannya terdedah kepada pencerobohan dan/atau ketirisan data, YBhg. Datuk / Tuan / Puan akan dimaklumkan secara rasmi, dan tindakan pengukuhan perlu diambil dalam tempoh 7 hari dari tarikh penemuan. Sistem aplikasi dan/atau laman web tersebut akan dinyahaktifkan sekiranya tindakan susulan belum diambil dalam tempoh tersebut.
5. Sila ambil perhatian sebarang tindakan pengukuhan yang telah diambil perlu dimaklumkan kepada pihak sgCERT untuk pengesahan. Untuk maklumat lanjut tentang perkara ini, sila berhubung terus dengan pihak Urus Setia sgCERT (emel: [team@sgcert.org](mailto:team@sgcert.org)).

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

( DATUK SERI PANGLIMA Sr. HAJI SAFAR BIN UNTONG, JP. )  
Setiausaha Kerajaan Negeri